

Oleh Ahmad Hasbi
bisnes@hmetro.com.my

Seremban

Operasi kilang baru Ajinomoto (M) Berhad (AMB) di Bandar Enstek di sini mampu meningkatkan pengeluaran produk makanan syarikat itu sebanyak 20 peratus.

Selepas lima dekad beroperasi di jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur, pengoperasian kilang lama itu sudah mencapai produktiviti maksimum dan tidak dapat memenuhi permintaan pasaran.

Presiden Ajinomoto Co Inc, Taro Fujie berkata, dengan kapasiti baharu itu AMB mampu mengukuhkan pembangunan dan pengeluaran produk pematuhan halal.

"Ketika ini kami menghasilkan 70 peratus produk untuk pasaran tempatan manakala 30 peratus untuk dieksport, jadi kami mahu mengembangkan lagi perniagaan kami.

"Saya meletakkan harapan yang tinggi terhadap kilang baharu ini," katanya ketika sidang media sejurus Majlis Pembukaan Rasmi Kilang Baru Ajinomoto.

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Muawir berkenan merasmikan majlis yang turut dihadiri Exco Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Ismail Ahmad dan Duta Besar Jepun ke Malaysia, Takahashi



TUANKU Muhriz (tengah) berkenan merasmikan kilang baru Ajinomoto (M) Berhad di Bandar Enstek, Seremban.

OPERASI AMB DI BANDAR ENSTEK

PENGELUARAN MENINGKAT 20%

Katsuhiko.

Fujie berkata, Ajinomoto mula dianugerahkan persijilan halal pada 1965 dan pemilihan lokasi di Halal Hub Bandar Enstek sangat sesuai dengan Ajinomoto sebagai

pengeluar produk yang patuh halal.

"Kapasiti pengeluaran kami meningkat sebanyak 20 peratus bergantung kepada permintaan. Dengan adanya kilang baharu ini

kami merancang untuk mempelbagaikan lagi produk pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan AMB, Tomoharu Abe berkata, kilang baharu itu

mengoptimumkan penggunaan teknologi digital bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

"Ia direka untuk menyediakan suasana kondusif dan mesra pekerja serta di-



Ketika ini kami menghasilkan 70 peratus produk untuk pasaran tempatan manakala 30 peratus untuk dieksport, jadi kami mahu mengembangkan lagi perniagaan kami!"

Taro Fujie

lengkap fasiliti rekreasi. Premis ini hanya merangkumi 60 peratus daripada keluasan tanah dan ia mempunyai ruang yang cukup untuk pembangunan akan datang.

"Kos pembinaan kilang baharu termasuk pejabat korporat sebanyak RM355 juta. Ia tidak termasuk nilai tanah," katanya.